

## BAB 2

### ULASAN KAJIAN LAMPAU

Bab ini membentangkan beberapa isu masalah sosial yang telah dikaji dan dibincangkan oleh penulis dan penyelidik yang lepas. Beberapa isu penting diperhatikan iaitu pertama latar belakang masyarakat. Kedua isu berhubung masalah perkauman dan diikuti isu keganasan. Perkara keempat yang dibincangkan dalam bab ini ialah isu alam sekitar dan akhirnya hal-hal berkaitan dengan gaya hidup masyarakat di Amerika Syarikat juga dibincangkan.

#### **2.1 Latar Belakang Masyarakat**

Satu kajian terhadap peluang perkerjaan dan diskriminasi jantina telah dijalankan oleh Levinson dan rakan penyelidiknya. Beliau mendapati bahawa wujudnya diskriminasi jantina dalam peluang mendapat perkerjaan (Levinson, 1975: 533-543). Menurutnya, pemohonan golongan lelaki bagi kategori jawatan yang telah ditradisikan untuk kaum wanita, cantoohnya, jawatan setiausaha, majoritinya telah ditolak. Begitu juga, permohonan kaum wanita bagi perkerjaan seperti kerja-kerja pembaikan didapati kebanyakannya tidak diterima. Di samping itu, hasil kajian beliau juga mendapati bahawa kaum wanita memperolehi pendapatan yang jauh lebih rendah berbanding kaum lelaki dalam kategori perkerjaan yang sama (Levinson, 1975: 533-543).

Menurut Julian (1977), kaum wanita kulit hitam merupakan golongan yang kerap menjadi mangsa diskriminasi jantina dan kaum. Menurutnya, walaupun kadar peratus golongan kaum wanita kulit hitam bekerja melebihi kaum wanita kulit putih, tetapi kaum wanita kulit hitam lebih tertumpu kepada

perkerjaan yang lebih rendah status dan pada tingkat pendapatan yang rendah (Julian, 1977: 335). Didapati lebih daripada tiga per empat (3/4) kaum wanita kulit hitam bekerja dalam kategori jawatan perkhidmatan dan hampir separuh daripadanya berada pada tingkat pendapatan yang lebih rendah dari pendapatan minimum yang ditetapkan oleh kerajaan (Julian, 1977: 335). Tambahan lagi, purata pendapatan kaum wanita kulit hitam didapati jauh lebih rendah berbanding kaum wanita kulit putih dan kaum lelaki (kaum kulit putih dan kulit hitam) dalam kategori perkerjaan yang sama (Julian, 1977: 335).

## 2.2 Isu Perkauman

Kaum kulit putih merupakan kaum majoriti di Amerika Syarikat. Menurut Julian (1977), kaum minoriti (kaum kulit hitam dan kaum lain-lain seperti *American Indians*, *Chicanos* (Mexican-Americans), *Puerto Ricans* dan orang Asia ) sering menghadapi layanan yang tidak sama dengan kaum kulit putih dalam masyarakat negara ini (Julian, 1977: 282). Beliau mendapati kaum minoriti kurang berpeluang untuk berpendidikan ke tahap lebih tinggi iaitu sekolah menengah atau berlajar di kolej berbanding kaum kulit putih kerana wujudnya diskriminasi dalam sistem pendidikan (Julian, 1977: 283-284). Menurutnya, diskriminasi dalam sistem pendidikan ini telah menyebabkan kewujudan diskriminasi dalam peluang perkerjaan di mana tanpa kelayakan pendidikan di peringkat tinggi, kaum minoriti tidak dapat bersaing dengan kaum kulit putih dalam menjawat jawatan yang tinggi. Justeru itu, pendapatan bagi kaum minoriti turut terjejas berbanding kaum kulit putih. Akibatnya, ini akan mewujudkan jurang pendapatan yang ketara dan juga kadar pengangguran yang lebih tinggi di kalangan kaum minoriti akibat persaingan dengan kaum kulit putih.

Menurutnya lagi, dengan latar belakang pendidikan yang rendah akan hanya membolehkan mereka (kaum minoriti khususnya kaum kulit hitam) memegang jawatan rendah dengan gaji yang rendah, dan ini akan mengakibatkan ketidakstabilan dalam rumah tangga dan keluarga, dan kemungkinannya wujud pengasingan atau pemisahan kawasan penempatan iaitu bagi mereka yang berpendapatan tinggi (majoriti kulit putih) tinggal di kawasan elit dan yang berpendapatan rendah tertumpu di kawasan setinggan. Keadaan ini akan menyebabkan generasi akan datang terus hidup dalam keadaan yang tidak sempurna dan kurang peluang pendidikan dan seterusnya keadaan ketidaksempurnaan ini terus berulang dan mewujudkan sesuatu kitaran diskriminasi dalam masyarakat (Julian, 1977: 294) (Lampiran 1).

### 2.3 Isu Keganasan

Menurut Julian (1977), "The United States was born in a violent struggle to end British rule (Julian, 1977: 195)." Ini bermakna, Amerika Syarikat dilahirkan dalam satu perjuangan ganas dalam mengakhiri pemerintahan British. Menurutnya lagi, keganasan merupakan ciri yang penting dan dikaitkan dengan kedaan sebelum dan selepas revolusi di Amerika syarikat (Julian, 1977: 195).

Hartnagel, Teevan, & McIntyre (1975) mendapati bahawa, media massa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi punca berlakunya keganasan. Menurut mereka,

"TV violence influences behavior in an indirect fashion, through its impact on learned values and attitudes or through a more general impression that is communicated about the nature of social reality. Values and attitudes or perceptions of the world may be substantially affected by television programming which may, in turn, influence behavior (Hartnagel, Teevan, & McIntyre, 1975: 341-351)."

Kenyataan ini menyatakan bahawa aksi keganasan dalam TV (televisyen) secara tidak langsung mempengaruhi perangai seseorang hasil daripada apa yang ditontoni. Nilai yang dipaparkan menerusi TV mungkin dianggap sebagai satu realiti.

Begitu juga bagi David R. Simon (1995), kini media massa tidak lagi setakat memberi maklumat mengenai perkembangan yang berlaku di dunia, malahan tanpa disedari ia telah mengubahkan pendirian atau persepsi kita terhadap dunia ini (Simon, 1995: 80). Tambahan lagi, pengaruh media massa juga telah menggantikan peranan tradisi seseorang ibu atau bapa, paderi, guru mahupun rakan (Simon, 1995: 80).

Menurut Julian (1977), kanak-kanak sering menjadi mangsa dalam pertengkaran rumah tangga. Masalah keluarga sering mengakibatkan berlakunya keganasan dalam rumah tangga seperti penderaan kanak-kanak. Kanak-kanak didera bukan hanya setakat fizikal malahan juga mental. Kanak-kanak yang menjadi mangsa akan mengalami tekanan jiwa dan kesengsaraan buat masa yang lama atau sepanjang hidup mereka. Kemungkinan besar, kanak-kanak tersebut akan menjadi seorang pendera apabila dewasa nanti (Julian, 1977: 195).

#### **2.4 Isu Alam Sekitar**

Tidak dapat dinafikan bahawa manusia merupakan salah satu punca utama berlakunya pencemaran. Menurut Julian (1977), pertambahan penduduk telah membawa kepada pertambahan pencemaran alam. Menurutnya, pencemaran alam sekitar dapat dilihat dari segi berbagai bentuk seperti pencemaran air, pencemaran udara, pencemaran tanah, pencemaran bunyi, pembuangan bahan-bahan kimia serta pembinaan loji dan empangan. Beliau turut menegaskan bahawa masyarakat

arus prihatin terhadap keadaan alam sekitar dan melalui pengajaran di sekolah gak dapat menghasilkan golongan generasi yang lebih peka terhadap alam sekitar (Julian, 1977: 565).

### 1.5 Gaya Hidup

Ditinjau dari sudut gaya hidup seseorang individu pula, adalah didapati bahawa perkerjaan seseorang itu juga amat mempengaruhi masa lapang seseorang itu (Julian, 1977: 499). Bagi mereka yang berjawatan tinggi yang memerlukan masa perkerjaan yang panjang serta tanggungjawab yang berat akan menghabiskan banyak masa bekerja daripada berekreasi (Julian, 1977: 499). Manakala bagi golongan yang tidak berjawatan tinggi, kebanyakan masa lapangnya dihabiskan untuk menonton TV (Julian, 1977: 499).

Julian juga memberi pandangan bahawa anak merupakan sebab utama bagi seseorang itu berkahwin dan adalah dipercayai bahawa kewujudan anak akan membawa kepada kegirangan dan kebahagian dalam sesebuah rumah tangga (Julian, 1977: 392). Menurutnya lagi, pasangan suami isteri yang baru berkahwin merupakan golongan yang paling gembira berbanding golongan yang lain (Julian, 1977: 392). Walau bagaimanapun, tahap kebahagian mereka selalunya menurun apabila mereka mempunyai anak. Ini adalah kerana pasangan ibu bapa baru perlu menyesuaikan diri mereka yang tidak biasa dengan keadaan berkeluarga dan mereka merasakan masa diluangkan untuk bersama telah berkurangan (Julian, 1977: 392). Mereka terpaksa mengorbankan masa untuk penjagaan anak. Di samping itu, beban tanggungan kewangan mereka juga meningkat (Julian, 1977: 392).

Dari segi perlakuan seks, Julian mengatakan bahawa hubungan homoseksual selalu berlaku di institusi yang terdiri dari satu golongan jantina

ahaja iaitu seperti sekolah berasrama (lelaki atau perempuan sahaja), rumah sakit iwa, penjara dan pusat ketenteraan (Julian, 1977: 445). Di tempat ini, golongan lelaki dan perempuan selalunya dipisahkan sepenuhnya dan mereka ini cemungkinan akan terlibat dalam aktiviti homoseksual dan perbuatan sedemikian nungkin akan berhenti apabila mereka terdedah kepada dunia luar (Julian, 1977: 445). Namun, ada di antara mereka tidak dapat melepaskan diri dari perlakuan ini (Julian, 1977: 445).